

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN TUAN YANG TERUTAMA LI PENG
PERDANA MENTERI REPUBLIK RAKYAT CHINA

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 10 DEC 1990

MASA:

Tuan Yang Terutama Li Peng,
Perdana Menteri Republik Rakyat China;
Puan Zhu Lin;
Ahli-Ahli Rombongan yang saya hormati;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Izinkan saya, bagi pihak Kerajaan Malaysia, bersama isteri saya mengucapkan kepada Tuan Yang Terutama serta isteri dan rombongan, selamat datang ke Malaysia. Kita merasa gembira kerana mempunyai peluang pada malam ini untuk menyatakan rasa persahabatan dan saling menghormati di antara kedua-dua negara kita sebagai jiran di rantau Asia-Pasifik ini. Saya berharap Tuan Yang Terutama dapat tinggal lebih lama di negara ini daripada 3 malam yang dijadualkan. Namun begitu, saya harap semasa kunjungan singkat ini, Tuan Yang Terutama akan dapat menyaksikan aspek-aspek penting pembangunan Malaysia, kehidupan sosial dan kebudayaan negara majmuk ini, serta dapat memahami akan aspirasi negara kami.

2. Malaysia adalah sebuah negara kecil yang masih muda daripada segi sejarah dan juga pembangunannya. Tetapi kami di Malaysia ingin menjadi maju dengan lebih cepat menerusi pendidikan dan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Bagi mencapai matlamat ini, kami sanggup bekerja kuat dan bersedia mempelajari pengalaman dan pengetahuan negara-negara yang lebih maju. Oleh kerana sesebuah negara itu tidak boleh hidup terpencil, Malaysia juga menjalinkan pertalian persahabatan dengan negara-negara tetangga dan dengan negara-negara di seluruh dunia amnya. Matlamat utama kami adalah untuk menjamin keamanan dan Malaysia bersedia memikul tanggungjawab ini bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai pendirian yang sama dengan Republik Rakyat China.

3. Selama dua puluh tahun kebelakangan ini Malaysia dengan penuh yakin telah menumpu usaha-usahnya untuk meningkatkan kewibawaan ASEAN. Selaras dengan usaha-usaha ini, Malaysia terus memperjuangkan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di rantau ini. Kejayaan ASEAN dalam pembangunan ekonomi dan kerjasama serantau mungkin tidak mudah dicapai sekiranya ASEAN tidak mendapat kerjasama dan persefahaman daripada negara-negara besar seperti Republik Rakyat China yang menjadi jiran yang dekat. Kami merasa senang hati

apabila Republik Rakyat China berulang kali menyatakan komitmennya kepada prinsip hidup bersama dan tidak mencampuri hal-ehwal negara-negara lain. Pendirian ini merupakan faktor terpenting yang memupuk keyakinan dalam hubungan di antara Republik Rakyat China dan Malaysia.

Tuan Yang Terutama,

4. Kunjungan Tuan Yang Terutama ke Malaysia berlaku di masa yang baik dalam sejarah hubungan di antara kedua negara kita. Ia berlaku semasa kita telah berjaya membina keyakinan dan kepercayaan yang secukupnya terhadap satu sama lain yang membolehkan kita berterus terang membincang isu-isu semasa dunia. Oleh yang demikian kami berasa sukacita kerana akan berunding dengan Tuan Yang Terutama dan delegasi hari esok dan bertukar-tukar fikiran secara mendalam.

5. Keyakinan Malaysia terhadap Republik Rakyat China yang patuh kepada Kelima-lima Prinsip Hidup Bersama dalam hubungan antarabangsa, jelas terbayang dalam langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia bagi mempererat lagi hubungan antara kita. Tuan Yang Terutama barangkali masih ingat bahawa 16 tahun dahulu Perdana Menteri Kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak, telah melawat Beijing dan menandatangani Kenyataan Bersama untuk menjalin hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara. Saya sendiri selaku Perdana Menteri berpeluang melawat negara Tuan pada tahun 1985. Semasa itu rancangan pembangunan desa China sudah mencapai kejayaan, dan kejayaan itu membawa perubahan dalam struktur ekonomi di Republik Rakyat China. Berikutan dengan itu rancangan pembangunan bandar pula telah memberi peluang kepada negara-negara membangun, seperti Malaysia, untuk membangunkan beberapa usahasama di Republik Rakyat China. Kedua-dua negara kita sekarang sudah mara ke suatu tahap yang memungkinkan kita melihat bahawa ekonomi negara-negara, baik besar mahupun kecil, saling bergantung di antara satu sama lain.

6. Dalam masa lima tahun yang lalu, dengan persetujuan bersama kedua-dua negara, kita telah menyediakan satu rangka kerja bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan sesama kita. Kita telah menandatangani perjanjian-perjanjian mengenai perdagangan, jaminan pelaburan, mengelakkan cukai dua kali, penerbangan awam dan perkapalan. Lima bulan dahulu Malaysia telah membatalkan sekatan ke atas rakyat Malaysia yang ingin melawat ke Republik Rakyat China. Tindakan terakhir ini yang bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan kita, mungkin tidak dianggap penting oleh mereka yang tidak memahami sejarah hubungan di antara kedua-dua negara kita daripada segi ideologi yang bertentangan, serta kebimbangan dan kesangsian yang dirasai oleh negara-negara kecil.

7. Apabila Republik Rakyat China menerima prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri negara-negara lain, Republik Rakyat China mendapat kepercayaan daripada negara-negara sahabat dan Republik Rakyat China juga berjaya mendapatkan haknya untuk menguruskan hal-ehwal dalam

negerinya sendiri. Oleh itu, walaupun telah berlaku beberapa peristiwa politik di Republik Rakyat China dalam bulan Jun lepas, hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China tidak terjejas dan hubungan perdagangan terus meningkat. Tiga belas projek usahasama di antara para pelabur Malaysia dan syarikat perbadanan negara China yang bernilai US\$500 juta dollar telah ditubuhkan di Republik Rakyat China. Di Malaysia pula, tujuh buah projek usahasama dengan pihak Republik Rakyat China telah diluluskan.

Tuan Yang Terutama,

8. Lawatan Tuan Yang Terutama ke negara-negara Asia Tenggara bagi kali kedua dalam masa enam bulan ini, menunjukkan kepentingan yang diberikan oleh China dalam meneruskan hubungan baik dengan negara-negara di rantau ini. Kami di ASEAN juga memberi pertimbangan yang berat kepada perhubungan dengan Republik Rakyat China. Pemulihan hubungan diplomatik di antara Republik Rakyat dengan Indonesia diikuti dengan penubuhan hubungan diplomatik di antara Singapura dengan Republik Rakyat China pada tahun ini membuktikan bahawa ASEAN mengakui peranan yang boleh dimainkan oleh Republik Rakyat China dalam menentukan kestabilan dan kemakmuran rantau ini.

9. Buat masakini ASEAN mempunyai hubungan dialog dengan enam buah negara lain. Sungguhpun Republik Rakyat China bukannya salah sebuah negara dialog ini, tetapi memandangkan bahawa ekonomi Republik Rakyat China mempunyai potensi untuk berkembang menjadi sebuah ekonomi yang kuat, dan kerana China merupakan salah satu daripada negara Asia Pasifik, maka ada kemungkinan bahawa China boleh menjadi sebuah negara dialog Asean pada satu masa nanti.

10. Perkembangan di seluruh dunia dalam bidang perhubungan politik antarabangsa amat menggalakkan. Perang dingin sudah berakhir dan semua negara nampaknya menumpukan usaha kepada pertumbuhan ekonomi masing-masing supaya rakyat mereka akan hidup aman dan bahagia.

11. Malangnya terdapat satu trend yang tidak sihat -- iaitu kecenderungan untuk mendirikan blok ekonomi. Selain daripada penyatuan Pasaran Eropah, Amerika Syarikat sudah mengabung pasarannya dengan Kanada dan juga sekarang dengan Mexico. Usaha sedang dibuat oleh Amerika Syarikat untuk menarik semua negara Amerika Latin dan Tengah supaya wujud perhubungan ekonomi yang lebih erat bagi seluruh Amerika Utara dan Selatan.

12. Selain daripada penyatuan German, ada kemungkinan negara-negara Eropah Timur menyertai Persatuan Ekonomi tidak lama lagi.

13. Sebaliknya jika negara-negara di Timur ternampak oleh pihak Barat akan mencapai taraf negara maju, maka berbagai-bagai tindakan diambil oleh Barat untuk menghalang kemungkinan ini.

Tuan Yang Terutama,

14. Malaysia tidak bersetuju dengan pengwujudan blok ekonomi. Tetapi kenyataannya ialah banyak negara-negara maju di Barat sudahpun membentuk blok ekonomi dan menggunakan kekuatan ekonomi blok-blok ini untuk menyekat "fair and free trade".

15. Dalam keadaan ini, Malaysia telah mengkaji samada pendiriannya dan berpendapat bahawa demi mewujudkan "balanced economic development" di seluruh dunia, maka negara-negara Asia Pasifik hendaklah mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan pasaran mereka supaya akhirnya satu blok ekonomi dapat mengimbangkan kesan blok-blok ekonomi yang lain.

16. Malaysia berpendapat negara China mestilah memainkan peranan yang penting dalam penubuhan blok ini supaya dapat melindungi "fair trade" di seluruh dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Sekarang saya dengan sukacitanya menjemput tuan-tuan dan puan-puan bangun dan minum ucap selamat sejahtera kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Li Peng, Puan Zhu Lin dan ahli-ahli rombongan. Saya berharap agar hubungan baik di antara Republik Rakyat China dan Malaysia akan sentiasa terpelihara.